

08 SEP 2000

Mahathir-E-Village/I

E-VILLAGE PERMULAAN ERA MENARIK BIDANG HIBURAN

DENGKIL, 8 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pembukaan Perkampungan Hiburan di sini merupakan permulaan menarik bagi era dan industri hiburan di negara ini.

Apa yang bermula sebagai satu ide telah menjadi satu kenyataan, kata Perdana Menteri semasa melancarkan E-Village di sini hari ini.

"Kita akan mengusahakannya sehingga kita mampu bersaing secara profesional dan global dengan yang lain dalam industri hiburan," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia sedang berusaha bersungguh-sungguh menimba ilmu baru dan kepakaran teknikal tentang dunia hiburan secara elektronik yang sungguh menakjubkan.

"Pembangunan E-Village dan studio maya serta studio bunyi khususnya membuktikan kebolehan kita untuk berada seiring, malahan mendahului, industri dan pasaran IT," katanya.

Dr Mahathir berkata projek E-Village akan menghasilkan peluang sosial dan ekonomi, memupuk masyarakat serta membina kemahiran dan kerjaya kreatif baru.

Pelajar akan dapat mengikuti kursus dan latihan baru berkaitan teknologi maklumat dan bakat baru akan muncul, katanya.

Perdana Menteri berkata matlamat menubuhkan sebuah pusat hiburan bukan sekadar untuk menyediakan hiburan kerana ia juga dapat membangunkan kemahiran dan kemampuan mengendalikan perubahan teknologi bidang hiburan dalam era maklumat.

Katanya beliau yakin pembangunan E-Village akan menyediakan sasaran dan matlamat yang sesuai bagi Malaysia untuk bukan saja menjadi sebuah negara maju tetapi meluaskan skop bagi menguji dan mencabar rakyat Malaysia untuk mencapai sesuatu yang lebih.

"Studio-studio ini akan menjadi titik permulaan bagi kita sebagai sebuah negara membangun, dan seperti MSC (Koridor Raya Multimedia) dalam konteks lebih besar, ia akan menjadi enjin pertumbuhan bagi E-Village," katanya.

Dengan dunia pembikinan filem kembali cergas, Dr Mahathir berharap E-Village akan menjadi satu tarikan kepada penerbit dan penyedia hiburan.

Mereka yang terlibat mengeluarkan filem sentiasa mencari persekitaran antarabangsa yang lebih baik untuk menghasilkan filem dan kerja seni, dan di E-Village, mereka akan disediakan dengan kemudahan dan lokasi kompetitif yang memberi gambaran sebenar tentang budaya di Asia dengan kepelbagaian dan penduduknya yang menarik, katanya.

Dr Mahathir berkata industri filem tempatan akan mendapat faedah daripada E-Village kerana ia dapat meningkatkan standard dan teknik keluaran mereka selaras dengan yang dihasilkan di pusat hiburan lain.

"Saya menunggu-nunggu hari apabila filem tempatan dan terbitan antarabangsa akan mempunyai tulisan yang menyebut ia dikeluarkan di Studio E-Village Malaysia," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

HS NZ MAI